



# APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN



# ISI KANDUNGAN |

## SOROTAN | HIGHLIGHT

## Table of Content

 M/S 3

### MESYUARAT JAWATANKUASA APPGM-SDG 1/ 2025

2025 First APPGM-SDG Committee Meeting

 M/S 4

### SAMBUTAN 5 TAHUN DALAM MENYETEMPATKAN SDG

Celebrating the successful completion of 5 Years in localising SDGs

 M/S 6

### MESYUARAT SUKU TAHUNAN STAF

1ST Quarterly Meeting of 2025

 M/S 7

### BENGKEL PEMBANGUNAN KAPASITI RAKAN SOLUSI

APPGM-SDG Food Security Capacity Building Workshop

 M/S 8

### LAWATAN PROJEK BERSAMA WAKIL KEMENTERIAN KEWANGAN

APPGM-SDG Project Visit with Representative from the Ministry of Finance

## AKTIVITI ZON & WILAYAH | ACTIVITIES OF ZONES & REGIONS

 M/S 10

### ZON UTARA

Northen Zone

 M/S 17

### ZON TENGAH

Central Zone

 M/S 21

### ZON PANTAI TIMUR

East Coast Zone

 M/S 26

### ZON SELATAN

Southern Zone

 M/S 28

### WILAYAH SABAH

Sabah Region

 M/S 33

### WILAYAH SARAWAK

Sarawak Region

## APPGM-SDG DEPARTMENTS & CENTRES | JABATAN DAN PUSAT APPGM-SDG

- **PENGURUSAN PEJABAT | OFFICE MANAGEMENT** M/S 43
- **JABATAN ADVOKASI PARLIMEN | PARLIAMENT ADVOCACY DEPARTMENT** M/S 48
- **RAKAN SOLUSI | SOLUTION PROVIDER** M/S 51
- **SDG 17 | SDG 17 PARTNERSHIP FOR GOALS** M/S 54
- **MYSDG AKADEMI | MYSDG ACADEMY** M/S 58
- **PUSAT MYSDG UNTUK RANGKUMAN SOSIAL | MYSDG CSI** M/S 58
- **PPMPL | SOCIETY FOR PROMOTION OF SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS** M/S 60
- **LAWATAN TAPAK DAN PEMETAAN ISU | SITE VISIT AND ISSUE MAPPING VISIT** M/S 61
- **KOLUM | COLUMN** 62 M/S
- **PROGRAM AKAN DATANG | UPCOMING PROGRAMME** 65 M/S



**7.1.2025**

## Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG Pertama Tahun 2025

APPGM-SDG Committee First Meeting 2025

Mesyuarat pertama Jawatankuasa APPGM-SDG bagi tahun 2025 telah dipengerusikan oleh YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis. Mesyuarat ini telah membincangkan keutamaan, sasaran, dan strategi bagi memastikan tahun ini menjadi tahun yang lebih bermakna dalam usaha menyetempatkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Mesyuarat ini tertumpu kepada usaha memperkuatkukuhkan kerjasama pelbagai pihak dan meningkatkan impak projek-projek SDG, sejajar dengan tema 2025 iaitu "Meningkatkan Keterangkuman dan Kemampaman".

Terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa atas dedikasi dan komitmen mereka. Kami percaya tahun 2025 akan menjadi satu lagi tahun yang penuh kejayaan dalam usaha mencapai pembangunan mampan.

*The first APPGM-SDG Committee Meeting for 2025 was chaired by YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis, focusing on priorities, targets, and strategies for the year ahead to further the localisation of Sustainable Development Goals (SDGs). Discussions revolved around strengthening multi-stakeholder collaborations and enhancing the impact of SDG projects, aligned with the 2025 theme of "Enhancing Inclusivity and Sustainability".*

*Thank you to all committee members for their dedication and commitment. We are optimistic that 2025 will be another impactful year in advancing sustainable development.*





7.1.2025

## Sambutan Ulang Tahun ke 5 Tahun APPGM-SDG: Penyetempatan SDG di Malaysia

APPGM-SDG 5th Year Anniversary: Localising SDGs in Malaysia

Kami dengan penuh rasa syukur telah meraikan kejayaan 5 Tahun APPGM-SDG dalam usaha menyetempatkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di Malaysia. Acara ini menjadi detik bersejarah yang mengimbas kembali perjalanan yang penuh cabaran tetapi bermakna. Kami amat berbesar hati dengan kehadiran Tan Sri Dato' Mohamad Ariff, yang telah mencetuskan idea konsep APPG kepada pasukan kami, serta ramai lagi pemimpin dan pakar rujuk yang telah bersama kami sejak hari pertama perjalanan ini. Sumbangan mereka adalah asas kepada pencapaian yang kita nikmati hari ini.

*With great gratitude, we celebrated the successful completion of 5 Years of APPGM-SDG in localising the Sustainable Development Goals (SDGs) in Malaysia. This milestone marks a meaningful and challenging journey filled with impactful achievements.*

*We were honored to have Tan Sri Dato' Mohamad Ariff, who first proposed the concept of APPG to our team, along with many resource persons and leaders who have been with us since day one. Their invaluable contributions have been the foundation of our success.*





## Penghargaan kepada Pemimpin & Rakan Strategi APPGM-SDG

Congratulations & Gratitude to APPGM-SDG Leaders & Partners

Pihak APPGM-SDG mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada penerima Anugerah Pengiktirafan Khas dan Anugerah Kepimpinan Perintis SDG sempena Sambutan 5 Tahun Penyetempatan SDG di Malaysia. Semoga kerjasama ini terus membawa kejayaan kepada agenda SDG di Malaysia.

*APPGM-SDG extends its heartfelt congratulations and appreciation to the recipients of the Special Recognition Award and SDG Pioneer Leadership Award in conjunction with the celebration of 5 Years of Localising SDGs in Malaysia. May this collaboration continue to drive progress toward achieving the SDG agenda in Malaysia.*

- **Anugerah Pengiktirafan Khas (Personaliti Utama) / Special Recognition (Key Personalities):**

Tan Sri Dato' Mohamad Ariff Md Yusof, YBhg Puan Maria Chin Abdullah, Dato' Sri Hajah Rohani Abdul Karim, YB Dato' Sri Nancy Shukri, Dato' Sri Mustapa Mohamed & Dr. Hezri Adnan

- **Anugerah Pengiktirafan Khas (Rakan Institusi) / Special Recognition (Institutional Partners):**

United Nations Malaysia Country Team, Parliament of Malaysia, Ministry of Finance, Ministry of Economy, National SDG Centre, Yayasan Hasanah, INTAN, Persatuan Sains Social Malaysia (PSSM) & Malaysian CSO SDG Alliance

- **Anugerah Kepimpinan Perintis SDG/ SDG Pioneer Leadership Award**

Dr. Lin Mui Kiang, Alizan Mahadi, Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli, James Raj, Kon Onn Sein, Omna Sreeni-Ong, Lavanya Rama Iyer, Jeffrey Phang, Kiu Jia Yaw, Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Nur Rahmah Othman, Anthony Tan Kee Huat, Dr Zainal Abidin Sanusi, Dr Jain Yassin, Dr. Zaimuariffudin Shukri & Ahmad Afandi





## 8-9.1.2025 Mesyuarat Staf Bagi Suku Tahun Pertama 2025

Staff First Quarterly Meeting 2025

Mesyuarat Suku Tahun Pertama APPGM-SDG selama dua hari telah dijalankan di Ibu Pejabat bagi menetapkan strategi untuk tahun ini. Dipimpin oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria (Ketua Sekretariat) dan Nur Rahmah (Pengarah Eksekutif), mesyuarat ini memberi tumpuan kepada semakan pencapaian 2024, menyelaraskan sasaran 2025, dan merangka strategi untuk inisiatif berimpak.

**Hari pertama** melibatkan perbincangan di peringkat jabatan dan antara jabatan untuk menangani sasaran yang belum selesai, memperkuuh kerjasama, dan merancang tahun yang mendatang.

**Hari kedua** menampilkan ucaptama oleh Prof. Datuk Dr. Denison, pembentangan setiap jabatan dan unit tentang keutamaan dan cabaran, serta sesi khusus mengenai kewangan, pentadbiran, dan penyelarasan kawasan. Mesyuarat diakhiri dengan pelan tindakan yang disatukan, mengukuhkan komitmen pasukan untuk memajukan objektif APPGM-SDG.



*Staff's first quarterly meeting have been held for two day at Headquarters to set strategies for this year. The meeting is led by Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria (Head of Secretariat) and Nur Rahmah (Executive Director), to reviewing 2024 achievements, aligning on 2025 targets, and strategising for impactful initiatives.*

*Day 1 featured departmental and inter-departmental discussions to address unfinished goals, strengthen collaboration, and plan for the year ahead.*

*Day 2 highlighted a keynote by Prof. Datuk Dr. Denison, presentations of each department and unit on priorities and challenges, and sessions on finance, administration, and constituency coordination. The meeting concluded with a consolidated action plan, reaffirming the team's commitment to advancing APPGM-SDG objectives.*





**18-19.1.2025**

## Bengkel Pembangunan Kapasiti Rakan Solusi Kebun Komuniti

Capacity Building Program for Community Farming Solution Providers

Bengkel Pembangunan Kapasiti Rakan Solusi Kebun Komuniti anjuran APPGM-SDG diadakan selama dua hari telah menghimpunkan seramai 108 peserta, termasuk 45 rakan solusi serta 47 penerima manfaat dari pelbagai wilayah. Antara sorotan utama adalah sesi dialog bersama Dato' Sri Mustapa Mohamed serta perasmian oleh YB Senator Tuan Isaiah D. Jacob.

Bengkel ini merangkumi sesi latihan dalam penjenamaan, pengurusan kewangan, dan pembangunan koperasi, di samping sesi panel dan perkongsian ilmu yang memperkasakan peserta serta menggalakkan pembelajaran rentas wilayah. Pameran gerai turut diadakan bagi memberikan peluang jualan serta meningkatkan keterlihatan produk hiliran dan hasil inisiatif projek para peserta.

*The Capacity Building Program for Community Farming Solution Providers, organized by APPGM-SDG, was held over two days and brought together 108 participants, including 45 solution providers and 47 beneficiaries from across all regions. Key highlights included a dialogue with Dato' Sri Mustapa Mohamed and the opening by YB Senator Tuan Isaiah D. Jacob.*

*Workshops on branding, financial management, and cooperative development, along with panel sessions and knowledge-sharing, empowered participants and encouraged cross-regional learning. A booth showcase offered sales opportunities and visibility for downstream products and produce from their project initiatives.*





24.1.2025

**Lawatan Projek bersama Wakil Kementerian Kewangan**

APPGM-SDG Project Visit with Representative from the Ministry of Finance


Pasukan APPGM-SDG bersama En. Adam Ling dari Kementerian Kewangan telah melawat Projek Y24-KK079 Perintis Pertanian Anak-Anak Istimewa PDK Sinar Harapan, yang melibatkan 15 peserta berkeperluan khas di bawah bimbingan En. Perkas Rao. Projek ini menumpukan kepada tanaman tembikai, asam belanda (*roselle*), serai, kacang panjang, dan kacang parang dengan hasil sampingan seperti jus *roselle*, jem, dan kek keju. Kini memasuki Fasa 2, projek ini sedang memperluaskan tanaman, memasang sistem fertigasi, dan membangunkan nurseri.

En. Adam Ling memuji komitmen peserta dan rakan solusi, menyatakan bahawa projek ini bukan sahaja dapat menjana pendapatan tetapi secara tidak langsung juga dapat memperkasa anak-anak istimewa melalui aktiviti pertanian.

*Team APPGM-SDG, along with Mr. Adam Ling from the Ministry of Finance, visited Project Y24-KK079 Perintis Pertanian Anak-Anak Istimewa PDK Sinar Harapan, involving 15 special needs participants under Mr. Perkas Rao's guidance. The project cultivates watermelons, roselle, lemongrass, long beans, and fava beans, producing by-products such as roselle juice, jam, and cheesecake. Now in Phase 2, it is expanding crops, installing a fertigation system, and developing a nursery.*

*Mr. Adam Ling praised the dedication of the participants and the solution provider, highlighting how the project empowers children with special needs while creating income opportunities.*





# AKTIVITI ZON & WILAYAH | ACTIVITIES OF ZONES & REGIONS





# ZON UTARA | NORTHERN ZONE

3.1.2025

## Parlimen Kinta - Mesyuarat Awalan Kinta Parliament Constituency - Inception Meeting

6



Mesyuarat awalan bersama Pegawai Daerah Kinta, Tuan Zulhisham telah membincangkan cadangan untuk mengadakan dialog antara agensi kerajaan, di mana pihak pejabat Daerah Kinta akan bekerjasama dengan Daerah Kampar bagi menjayakan sesi dialog yang dirancang pada 4 Februari 2025.

*The inception meeting with the Kinta District Officer, Mr. Zulhisham, at the Kinta District and Land Office, Ipoh. Mr. Zulhisham also discussed plans for a government inter-agency dialogue, where the Kinta District will collaborate with the Kampar District to organize the session scheduled for 4 February 2025.*

10.1.2025

## Buntong - Hari Anugerah SJK Tamil Methodist Buntong - SJK Tamil Methodist Buntong Awards Day

7



James Raj telah menghadiri Hari Anugerah SJK Tamil Methodist Buntong sebagai tetamu kehormat. Beliau menyampaikan ucapan kepada ibu bapa, guru, dan murid dengan menekankan kepentingan pendidikan, pengetahuan digital, dan komunikasi sihat. APPGM-SDG telah menyokong Program Celik Komputer untuk 160 pelajar Tahun 1 hingga 6 pada tahun 2022 dan tahun 2023. Program ini kini diteruskan ke inisiatif Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) dengan fokus kepada pendidikan selepas sekolah, keibubapaan, dan kemahiran hidup, dibiayai oleh APPGM-SDG.

*James Raj attended the SJK Tamil Methodist Buntong Awards Day as the chief guest. He addressed parents, teachers, and children, emphasising education, digital knowledge, and healthy communication. From year 2022 to year 2023, APPGM-SDG supported a Computer Literacy programme for 160 students from Years 1 to 6. This initiative has now been extended to the Community Learning Centre (CLC), focusing on after-school education, parenting, and life skills, funded by APPGM-SDG.*

11.1.2025

**Ipooh - Program Kejiraninan bertemakan Kanak-Kanak***Ipooh - Neighbourhood Programme on Children*

8



Rose Helen telah menghadiri dan merasmikan Program Kejiraninan dengan tema kanak-kanak, yang telah dijalankan oleh KRT Gugusan Harmoni. Antara aktiviti yang dijalankan termasuk pertandingan mewarna, permainan, serta sesi ceramah daripada pihak Hospital Bahagia Tanjung Rambutan, PDRM, dan PPD. Program ini telah disertai oleh 80 hingga 100 peserta.

*Rose Helen attended and officiated the children-themed Neighbourhood Programme, conducted by KRT Gugusan Harmoni. Among the activities carried out are colouring competitions, games, and talks from Hospital Bahagia Tanjung Rambutan, PDRM, and PPD. This programme was attended by 80 to 100 participants.*

12.1.2025

**Tambun - Majlis Pembukaan Pusat Pembelajaran Komuniti Mom's Cottage***Tambun - Opening Ceremony of Mom's Cottage Community Learning Centre*

9



Pasukan APPGM-SDG telah menghadiri upacara pembukaan Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) Mom's Cottage di Parlimen Tambun. Di pusat ini para peserta telah melalui pelbagai program termasuk aktiviti membuat kek, Hiasan Dulang Perkahwinan & kesedaran keganasan rumah tangga.

*Team APPGM-SDG attended The Grand Opening of Mom's Cottage Community Learning Centre (CLC) in Parliament Tambun. In this centre, the participants have gone through various programs including Baking, Wedding Tray Decorations & domestic violence awareness.*

13.1.2025

### Parlimen Balik Pulau - Mesyuarat Awalan

Balik Pulau Parliament Constituency - Inception Meeting

10



Mesyuarat awalan bersama YB Dato' Muhammad Bakhtiar Wan Chik telah diadakan di MyCreative Ventures. Dalam mesyuarat ini, YB Dato' Muhammad Bakhtiar telah bersetuju dengan tarikh lawatan tapak ke kawasan Parlimen Balik Pulau yang dijadualkan berlangsung pada 22-24 Februari 2025.

*An inception meeting for the Balik Pulau constituency was held with YB Dato' Muhammad Bakhtiar Wan Chik at MyCreative Ventures, Surian Tower. During the meeting, YB Dato' Muhammad Bakhtiar agreed to the proposed field visit dates for the Balik Pulau constituency, scheduled for 22-24 February 2025.*

13.1.2025

### Parlimen Kuala Kedah - Pengutamaan Isu

Kuala Kedah Parliament Constituency - Issue Prioritisation

11



Mesyuarat pengutamaan isu Parlimen Kuala Kedah telah diadakan bersama YB Dr. Ahmad Fakhrurrazi, YB Rashidi Razak (ADUN Anak Bukit), En. Shuhaimi dan pegawai APPGM-SDG Dr. Thanaraj, Nur Farah Ezzaty, Nur Sabrina dan En. Zariz Firdaus.

*An issue prioritisation meeting for Kuala Kedah was held with YB Dr. Ahmad Fakhrurrazi, YB Rashidi Razak (ADUN Anak Bukit), Mr. Shuhaimi, and APPGM-SDG representatives Dr. Thanaraj, Nur Farah Ezzaty, Nur Sabrina, and Mr. Zariz Firdaus.*

14.1.2025

**Parlimen Lumut - Sesi Lawatan Awal***Lumut Parliament Constituency - Pre-Visit Session*

12



Perjumpaan dengan Tuan Shamsul Ridzuan Idris (Pegawai Daerah Manjung), di Pejabat Daerah dan Tanah Manjung bagi sesi pra-lawatan Parliment Lumut. Tn. Shamsul Ridzuan memberikan gambaran menyeluruh tentang Parliment Lumut serta input sosio-ekonomi kawasan tersebut.

*Meeting with Mr. Shamsul Ridzuan Idris (District Officer of Manjung), at the Manjung District and Land Office for the pre-visit session for the Lumut Constituency. The District Officer provided a comprehensive overview of the Lumut constituency, including socio-economic insights.*

14.1.2025

**Bayan Baru - Majlis Penutupan “Mindful Moolah Movement (3M)”***Bayan Baru - Closing Ceremony for “Mindful Moolah Movement (3M)”*

13



Majlis penutupan Projek Solusi APPGM-SDG di Universiti Sains Malaysia (USM) untuk fasa pertama di Bayan Baru. Projek Mindful Moolah Movement (3M) ini bertujuan meningkatkan kesedaran literasi kewangan dalam kalangan belia.

*A vibrant closing ceremony was held for APPGM-SDG Solution Project at Universiti Sains Malaysia (USM) under Bayan Baru Phase 1. The Mindful Moolah Movement (3M) project focuses on raising financial literacy awareness among youth.*

17.1.2025

**Parlimen Gopeng - Mesyuarat Awalan***Balik Pulau Parliament Constituency - Inception Meeting*

14



Satu mesyuarat bersama Tuan Nasrul Fazam (Pegawai Daerah dan Tanah Kampar), Tuan Ahmad Bashir (Ketua Penolong Pegawai Daerah) dan Tuan Muhammad Sharul Nizam (Penolong Pegawai Daerah) bagi persiapan sesi mesyuarat antara agensi yang dijadualkan berlangsung pada 4 Februari 2025 diikuti dengan program pembangunan kapasiti pada 5 Februari 2025.

*A meeting was held with Mr. Nasrul Fazam (District and Land Officer of Kampar), Mr. Ahmad Bashir (Chief Assistant District Officer), and Mr. Muhamad Sharul Nizam (Assistant District Officer) for preparations of the inter-agency session scheduled for 4 February 2025, followed by a capacity-building session on 5 February 2025.*

21.1.2025

### Parlimen Kuala Kedah - Mesyuarat Dialog Antara Agensi

Kuala Kedah Parliament Constituency - Inter-Agency Dialogue

15



Mesyuarat Dialog Antara Agensi (IAD) Kuala Kedah telah dipengerusikan oleh Dato' Haji Hakim Ariff (Pegawai Daerah Kota Setar) telah disertai oleh 30 agensi kerajaan. Ahli Parlimen Kuala Kedah, YB Dr. Ahmad Fakhruddin Fakhrurazi bersama YB Tuan Rashidi (ADUN Anak Bukit) dan YB Puan Mardhiyyah (ADUN Pengkalan Kundor) turut hadir dalam mesyuarat ini.

*The Inter-Agency Dialogue for Kuala Kedah was chaired by Dato' Haji Hakim Ariff (District Officer of Kota Setar) with representatives from 30 government agencies. YB Dr. Ahmad Fakhruddin Fakhrurazi (Kuala Kedah MP), YB Tuan Rashidi (ADUN Anak Bukit), and YB Puan Mardhiyyah (ADUN Pengkalan Kundor) also attended.*

21.1.2025

### Parlimen Padang Rengas - Mesyuarat Awalan

Padang Rengas Parliament Constituency - Inception Meeting

16



Dr. Teo Lee Ken, Nurmaisarah dan Yoogeswaran telah mengadakan satu mesyuarat awalan bersama YB Kapten Azahari Hasan, Ahli Parlimen Padang Rengas. Pihak YB bersetuju untuk mengadakan lawatan tapak yang telah dijadualkan pada 12-14 April atau 19-21 April 2025.

*Dr. Teo Lee Ken, Nurmaisarah and Yoogeswaran held an inception meeting with YB Kapten Azahari Hasan, Member of Parliament for Padang Rengas. YB agreed to conduct a site visit, tentatively scheduled for either 12-14 April or 19-21 April 2025.*

21.1.2025

**Bayan Lepas - Projek Komuniti Homework Coaching & Fun Learning**  
*Bayan Lepas - Homework Coaching & Fun Learning Community Project*

17



Prof Datuk Dr. Denison dan Dr. Khairil telah melawat projek komuniti Homework Coaching & Fun Learning di Flat Bayan Baru. Projek ini dikendalikan oleh Puan Rodziah selaku Rakan Solusi, dengan sokongan sukarelawan terdiri daripada pelajar Pendidikan Khas USM. Inisiatif ini membantu pelajar dengan bimbingan kerja rumah serta pembelajaran interaktif, mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan inklusif.

*Datuk Denison and Dr. Khairil visited the Homework Coaching & Fun Learning community project at Bayan Baru Flats. Led by Solution Provider Puan Rodziah, the initiative is supported by volunteers from USM's Special Education program. This project provides academic coaching and interactive learning, fostering an engaging and inclusive learning environment for students.*

27.1.2025

**Parlimen Balik Pulau - Lawatan Awalan**  
*Balik Pulau Parliament Constituency - Pre-Visit Session*

18



Dr. Teo Lee Ken, Dr. Thanaraj, Siti Noraisyah dan Darshini telah menghadiri satu mesyuarat bersama Tuan Hafiz Aswad (Pegawai Daerah) di Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya. Sesi ini turut dihadiri oleh Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Masyarakat), Puan Fariza dan 4 penghulu. Tuan Hafiz telah bersetuju untuk mengadakan sesi Dialog Antara Agensi pada 4 Mac 2025.

*Dr. Teo Lee Ken, Dr. Thanaraj, Siti Noraisyah and Darshini attended a meeting with Mr. Hafiz Aswad (District Officer) at the South West District and Land Office. This session was also attended by the Assistant District Officer (Community Development), Ms. Fariza and 4 chiefs. Mr. Hafiz has agreed to hold an Inter-Agency Dialogue on March 4, 2025.*

27.1.2025

### Parlimen Balik Pulau - Mesyuarat Pemprofilan

*Profiling Meeting for Balik Pulau Parliamentary Constituency*

19



Dr. Thanaraj, Siti Noraiysah dan Darshini telah menghadiri mesyuarat pemprofilan yang diadakan di Pusat Khidmat Parlimen Balik Pulau. Mesyuarat ini turut mengenal pasti isu-isu semasa yang dihadapi oleh komuniti setempat serta membincangkan atur cara tentatif bagi lawatan tapak yang dijadualkan berlangsung pada 22 - 24 Februari 2025 bagi menilai keadaan sebenar di lapangan dan memastikan langkah intervensi yang lebih berkesan.

*Dr. Thanaraj, Siti Noraiysah, and Darshini attended a profiling meeting at the Pusat Khidmat Parlimen Balik. The meeting discussed pressing local issues affecting the community and the tentative itinerary for the upcoming site visit was scheduled for 22 - 24 February 2025, to assess on-ground conditions and ensure more effective intervention measures.*

27.1.2025

### Sesi Pemantauan Projek Bulanan Zon Utara

*Monthly Monitoring Session for Northern Zone*

20



Pasukan CBDP Unit telah menghadiri sesi pemantauan bulanan bagi mendengar pembentangan daripada 33 rakan solusi. Sesi ini memberi ruang kepada para rakan solusi dari Perak Utara, Pulau Pinang, Kedah, dan Perlis untuk berkongsi perkembangan projek, cabaran yang dihadapi, penyelesaian yang diambil serta impak projek terhadap komuniti setempat.

*CBDP Unit team attended the monthly monitoring session, where 33 solution providers presented their project progress, challenges, solutions, and impact. The session featured participants from North Perak, Penang, Kedah, and Perlis, offering valuable insights into ongoing initiatives.*



JANUARI 2025



ZON TENGAH | CENTRAL ZONE

# ZON TENGAH | CENTRAL ZONE

3.1.2025

## Mesyuarat Unit Dasar Solusi APPGM-SDG

*APPGM-SDG Policy Solution Unit Meeting*

21



Unit Dasar Solusi APPGM-SDG telah mengadakan mesyuarat bersama pasukan Sarawak, Zon Tengah, dan Sabah bagi penyelarasan perancangan kerja bagi tahun 2025. Perbincangan ini bertujuan memastikan penyampaian agenda SDG yang lebih berfokus dan berkesan di setiap zon dan wilayah, sekaligus memperkuatkan impak pelaksanaan program di peringkat kebangsaan.

*The APPGM-SDG Policy Solution Unit held a meeting with the Sarawak, Central Zone, and Sabah teams to align work plans for 2025. This discussion aimed to ensure a more focused and effective delivery of the SDG agenda across all zones and regions, strengthening the impact of program implementation at the national level.*

7.1.2025

## Parlimen Hulu Selangor - Mesyuarat Awalan

*Hulu Selangor Parliament Constituency - Inception Meeting*

22



Dr. Siti Nur Ain, Siti Noraiyah, Nuha Mysara dan Tariq Ziad telah mengadakan perjumpaan bersama Pejabat Daerah Hulu Selangor bagi memberi penerangan gerak kerja pemetaan isu bagi tahun 2025 di kawasan Hulu Selangor. Perjumpaan ini dipengerusi oleh Pegawai Daerah dan disertai dengan Penolong Pegawai Daerah dan 3 wakil penghulu bagi Daerah Hulu Selangor. Pihak Pegawai Daerah memberi sokongan penuh kepada APPGM-SDG untuk meneruskan gerak kerja pemetaan isu yang akan berlangsung pada 11-13 Januari 2025.

*Dr. Siti Nur Ain, Siti Noraiyah, Nuha Mysara and Tariq Ziad attended a joint meeting with the Hulu Selangor District Office to explain the process of issue mapping for the year 2025 in the Hulu Selangor area. This meeting was chaired by the DO, accompanied by ADO and 3 representatives of penghulu for Hulu Selangor District. The DO gives full support to APPGM-SDG to continue the issue mapping work that will take place on 11-13 January 2025.*

7.1.2025

## Parlimen Seputeh - Sesi Pemprofilan

Seputeh Parliament Constituency - Profiling Session

23



Sesi pemprofilan Kawasan parlimen Seputeh dan penetapan tentatif lawatan tapak bagi lawatan tapak yang dijadualkan pada 18 hingga 20 Januari telah diadakan bersama pegawai khas di Pejabat Parlimen Seputeh.


*The profiling and tentative finalising for the issue mapping site visit scheduled for the 18th until 20th January session have been held with special officer at Seputeh Parliamentary Office.*

16.1.2025

## Perbincangan Bersama DBKL

Discussion with DBKL

24



Dr. Teo Lee Ken dan Nurul Syaza telah mengadakan perbincangan atas talian bersama DBKL, yang dihadiri oleh Puan Hidayah dan Cik Mastiza dari Jabatan Perancangan Bandaraya. Perbincangan ini memfokuskan kepada perancangan Sesi Dialog Antara Agensi dan Program Pembangunan Kapasiti untuk Parlimen Bandar Tun Razak dan Parlimen Batu (2024) serta Parlimen Seputeh (2025) yang dicadangkan berlangsung pada awal Februari 2025.


*Dr. Teo Lee Ken and Nurul Syaza held an online discussion with DBKL, attended by Pn. Hidayah and Cik Mastiza from the City Planning Department. The discussion focused on planning the Inter-Agency Dialogue and Capacity Building Program for the Bandar Tun Razak and Batu constituencies (2024) and Seputeh constituency (2025), proposed for early February 2025.*

21.1.2025

## Mesyuarat Pemantauan Projek Bulanan CBDP

CBDP Monthly Monitoring Meeting

25



Seramai 10 rakan solusi hadir untuk membentangkan perkembangan projek mereka. Sesi ini memberi ruang kepada para rakan solusi untuk berkongsi kemajuan, cabaran, serta impak projek yang dilaksanakan di komuniti setempat.

*10 solution partners were present to present their project progress. This session provides space for solution partners to share progress, challenges, and the impact of projects implemented in the local community.*

23.1.2025

**Parlimen Hulu Selangor - Pengutamaan Isu***Hulu Selangor Parliament Constituency - Issue Prioritisation*

26



Mesyuarat pengutamaan isu Parlimen Hulu Selangor telah diadakan bersama YB Tuan Haji Mohd Hasnizan. Sebanyak empat kumpulan sasaran telah dikenalpasti bagi projek solusi:

1. PPDK: Kursus kemahiran penjagaan.
2. Ibu tunggal: Projek pastri dan penjanaan pendapatan.
3. Komuniti India: Pemerkasaan komuniti dan keusahawanan sosial.
4. Peniaga dan penjaja: Kursus kemahiran keusahawanan.

*A meeting on issue prioritisation for Hulu Selangor was held with YB Tuan Haji Mohd Hasnizan. Four target groups were tentatively identified for solution projects:*

1. *PPDK: Caregiving skills courses.*
2. *Single mothers: Pastry projects and income generation.*
3. *Indian community: Community empowerment and social entrepreneurship.*
4. *Traders and hawkers: Entrepreneurship skills courses.*

26.1.2025

**Hulu Selangor & Gombak - Program Hari Keluarga & Kejiranan***Hulu Selangor & Gombak - Family Day & Neighbourhood Programme*

27



Karuppiah menghadiri Program Hari Keluarga KOA Tun Razak, Hulu Selangor telah disertai lebih 150 peserta. Antara aktiviti yang dijalankan adalah sesi permainan dan ceramah tentang keluarga bahagia. Program Kejiranan bersama kanak-kanak di Kg. Batu 8, Gombak, Selangor juga turut diadakan pada hari yang sama.

*Karuppiah attended the Family Day Programme of KOA Tun Razak, Hulu Selangor, which was attended by more than 150 participants. This programme included games and talks about happy families. Neighbourhood programme with children in Kg. Batu 8, Gombak, Selangor was also held on the same day.*

28.1.2025

**Parlimen Hulu Selangor - Perbincangan Program Pembangunan Kapasiti**  
*Hulu Selangor Parliament Constituency - Discussion on Capacity Building Programme*

28



Program pembangunan kapasiti akan diadakan pada 12 Februari 2025, dengan fokus untuk memperkasa komuniti melalui latihan dan bimbingan strategik.

*A capacity building programme is proposed to take place on 12 February 2025, focusing on empowering the community through structured training and guidance.*

28.1.2025

**Parlimen Sabak Bernam - Sesi Pemprofilan**  
*Sabak Bernam Parliament Constituency - Profiling Session*

29



Sesi pemprofilan Kawasan dan penetapan tentatif lawatan tapak bagi lawatan tapak yang dijadualkan pada 14 hingga 16 Januari telah diadakan bersama pegawai khas di Pejabat Parlimen Sabak Bernam.

The profiling and tentative finalising for the issue mapping site visit scheduled for the 14th until 16th January session have been held with YB Kalam Salan at Sabak Bernam Parliamentary Office.



JANUARI 2025



ZON PANTAI TIMUR / EAST COAST ZONE

# ZON PANTAI TIMUR / EAST COAST ZONE

10.1.2025

## Kuantan - Graduation Ceremony of CLC Project for STEM Education

Kuantan - Majlis Graduasi Projek CLC untuk Pendidikan STEM

30



Karuppiah, Mohammad Shazie Zaini & Nur Balqis menghadiri majlis graduasi Projek CLC STEM di Kuantan, melibatkan 200 pelajar Tingkatan 3 dari SMK Sungai Soi dan SMK Tanjung Lumpur. Projek ini memupuk minat terhadap STEM melalui pembelajaran menyeronokkan serta pengajian Al-Quran. Dengan sokongan 80 sukarelawan SCIENCESS UIAM, kelab STEM ditubuhkan untuk melatih pelajar menjadi pemimpin rakan sebaya.

*Karuppiah, Mohammad Shazie Zaini & Nur Balqis attended the graduation ceremony of the CLC STEM Project in Kuantan, involving 200 Form 3 students from SMK Sungai Soi and SMK Tanjung Lumpur. The project nurtures interest in STEM through fun learning and Quran studies. With the support of 80 SCIENCESS UIAM volunteers, STEM clubs were established to train students as peer leaders.*

13.1.2025

## Kunjungan Hormat ke Pejabat Daerah Kuala Nerus

Courtesy Visit to Kuala Nerus District Office

31



Kunjungan hormat bersama Pegawai Daerah Kuala Nerus, YBrs Tuan Haji Ahmad Azizi Zulkifli untuk membincangkan pelaksanaan inisiatif intervensi dasar multi-agensi peringkat daerah. Mesyuarat turut dihadiri oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah (KADO), tiga Penolong Kanan Pegawai Daerah (ADO), serta wakil pihak Sekretariat APPGM-SDG iaitu Penyelaras Zon Pantai Timur, Dr. Siti Nur Ain bersama Nurul Syahirah dan Nik Athirah.

*APPGM-SDG paid a courtesy visit to the Kuala Nerus District Officer, Y.Brs Tuan Haji Ahmad Azizi Zulkifli, to discuss the implementation of a district-level multi-agency policy intervention initiative. The meeting was attended by the Chief Assistant District Officer (KADO), three Senior Assistant District Officers (ADO), and APPGM-SDG representatives, including the East Coast Zone Coordinator, Dr. Siti Nur Ain, Nurul Syahirah and Nik Athirah.*

14.1.2025

### Parlimen Besut - Mesyuarat Lawatan Awal

Besut Constituency - Pre-Visit Meeting

32



Dr. Siti Nur Ain dan Siti Noraiysah telah menghadiri mesyuarat bersama Pegawai Daerah, Tuan Haji Ahmad Nazwawi Harun, di Pejabat Daerah dan Tanah Besut. Sesi ini turut dihadiri oleh Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Masyarakat), Encik Muhamad Hamizi Roslan dan 12 Penghulu Mukim. Mesyuarat membincangkan pelbagai isu berkaitan ekonomi sosial dan alam sekitar di kawasan setempat. Tuan Pegawai Daerah bersetuju untuk menganjurkan sesi Dialog Antara Agensi pada bulan Februari pada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

*Dr. Siti Nur Ain and Siti Noraiysah attended a meeting with the District Officer, Mr. Haji Ahmad Nazwawi Harun, at the Besut District and Land Office. The session was also joined by the Assistant District Officer (Community Development), Mr. Muhamad Hamizi bin Roslan, and 12 village heads. Discussions highlighted various local social, economic, and environmental issues. The District Officer agreed to host an Inter-Agency Dialogue in February, with the date to be confirmed later.*

14-15.1.2025

### Latihan Penyelaras Tempatan Zon Pantai Timur

Local Coordinator Training for East-Coast Zone

33



Pasukan APPGM-SDG telah mengendalikan latihan ini termasuk Dr. Siti Nur Ain, Nurul, Jannah, Encik Paniir, dan Athirah. Sesi dimulakan dengan pengenalan APPGM-SDG, memberikan gambaran menyeluruh mengenai inisiatif intervensi dasar yang dilaksanakan bersama Yayasan Hasanah. Peserta turut diberikan penjelasan jelas mengenai peranan dan tanggungjawab mereka sebagai LC, memastikan pemahaman mendalam tentang sumbangan penting mereka dalam inisiatif ini.

*The APPGM-SDG team facilitating the training includes Dr. Siti, Nurul, Jannah, Mr. Paniir, and Athirah. The session began with an introduction to APPGM-SDG, providing a comprehensive overview of this policy intervention initiative implemented in collaboration with Yayasan Hasanah. Participants were also briefed on their roles and responsibilities, ensuring they understand their vital contributions to the initiative.*

16.1.2025

### Parlimen Pasir Puteh - Mesyuarat Awalan

Pasir Puteh Parliament Constituency - Inception Meeting

34



Dr. Siti telah mengadakan mesyuarat awalan bersama YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh, Ahli Parlimen Pasir Puteh di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Pasir Puteh. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan persiapan pemetaan isu di kawasan Parlimen Pasir Puteh. Tarikh pemetaan isu telah dipersetujui dan dijadualkan berlangsung pada 18 hingga 20 Februari 2025.

*Dr. Siti conducted a preliminary meeting with YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh, Member of Parliament for Pasir Puteh, at the Pasir Puteh Parliamentary Service Centre. The meeting focused on preparations for the issue-mapping exercise in the constituency. The issue mapping has been scheduled to take place from 18 to 20 February 2025.*

17.1.2025

### Kunjungan Hormat ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Courtesy Visit to the Office of the Secretary of the State Government of Pahang

35



Delegasi APPGM-SDG telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Tengku Dato' Nor Asmaliza binti Ku Lah, Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), yang mewakili YH. Dato' Ali Syahbana bin Sabaruddin, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan). Agenda mesyuarat adalah memberi pengenalan berkaitan gerak kerja APPGM-SDG di negeri Pahang serta permohonan kebenaran penubuhan Jawatankuasa Intervensi Dasar Peringkat Daerah. Inisiatif ini merupakan usaha sama APPGM-SDG dengan Yayasan Hasanah, yang bertujuan memperkuuh pembangunan mampan di peringkat daerah.

*The APPGM-SDG delegation conducted a courtesy visit to the Pahang State Secretary's Office. The meeting was chaired by Tengku Dato' Nor Asmaliza binti Ku Lah, Secretary of the State Economic Planning Division (BPEN), representing YH. Dato' Ali Syahbana bin Sabaruddin, Deputy State Secretary (Development). The agenda included discussions on APPGM-SDG initiatives in Pahang and a request for approval to establish the District-Level Policy Solution Committees. This initiative is a collaboration between APPGM-SDG and Yayasan Hasanah, aimed at strengthening sustainable development at the district level.*

20.1.2025

**Parlimen Kota Bharu - Sesi Pemprofilan**

Kota Bharu Parliament Constituency - Profiling Session

36



Dr. Siti telah mengadakan sesi pemprofilan bagi pemetaan isu Parliment Kota Bharu bersama En. Suhaimi dan En. Faris, Ahli Majlis dari Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) yang mewakili Pegawai Parliment Kota Bharu. Tarikh sesi pemetaan isu telah dijadualkan pada 1-3 Februari 2025.

*Dr. Siti conducted a profiling session for issue mapping in the Kota Bharu constituency with Mr. Suhaimi and Mr. Faris, council members of the Kota Bharu Islamic City Municipal Council (MPKB-BRI), representing the Kota Bharu Parliamentary Office. Dates for the issue mapping exercise, scheduled from 1 to 3 February 2025.*

23.1.2025

**Mesyuarat Pemantauan Projek Bulanan Rakan Solusi**

Monthly Monitoring Session with Solution Provider

37

**Pengenalan Projek & Peluang**

Project Name : Menjana Pendapatan Dari Dapur "From Kitchen To Income"  
Location : Kg Palekbang, Tumpat  
Objectives :  
Target group (participants) : Suri rumah dan belia  
Peluang yang diwujudkan:  
- Kemahiran  
Kemahiran dan teknologi



Seramai 22 Rakan Solusi menghadiri sesi ini untuk membentangkan kemajuan projek masing-masing.

*A total of 22 Solution Provider attended the session to present their project progress.*

26.1.2025

**Parlimen Kota Bharu - Lawatan Awal**

Kota Bharu Parliament Constituency - Pre-Visit Session

38



Dr. Siti Nur Ain telah mengadakan sesi pra-lawatan bersama Encik Wan Mohd Nasir, Timbalan Ketua Jajahan (CIO Jabatan) Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu serta En. Wan Faiz dari Unit Pembangunan. Perbincangan meliputi pengenalan APPGM-SDG serta aturan tentatif. Kajian pemetaan isu Parliment Kota Bharu akan berlangsung pada 1 - 3 Februari 2025 manakala sesi dialog antara agensi dijadualkan pada 23 Februari 2025.

*Dr. Siti Nur Ain conducted a pre-visit session with Encik Wan Mohd Nasir bin Hj. Wan Omar, Deputy District Chief (CIO Department) of the Kota Bharu Land and District Office, and En. Wan Faiz from the Development Unit. Discussions covered an introduction to APPGM-SDG and tentative arrangements. The issue mapping study for Kota Bharu is scheduled for 1 - 3 February 2025, with an inter-agency dialogue set for 23 February 2025.*

27.1.2025

### Bengkel Latihan Focus Group Discussion (FGD)

*Focus Group Discussion (FGD) Training*

39



Sesi Pemantauan Bulanan bagi bulan Januari telah diadakan pada 13-14 Januari dengan kehadiran seramai 84 penyedia solusi dari pelbagai wilayah dan zon. Sesi ini memberi tumpuan kepada kemas kini kemajuan projek, perbincangan mengenai cabaran yang dihadapi, serta penilaian terhadap impak inisiatif yang sedang dilaksanakan.

*The January Monthly Monitoring session, held on 13-14 January, was attended by 84 solution providers from all regions and zones. The session focused on updating project progress, discussing challenges, and assessing the impacts of ongoing initiatives.*

14.1.2025

**Mesyuarat Unit Pemetaan dan Pembangunan Kapasiti**

Meeting for Mapping and Capacity Building Unit

83



Mesyuarat telah diadakan antara Unit Mapping dan Pembangunan Kapasiti untuk membincangkan penyusunan program Pembangunan Kapasiti (CB) tahun 2025. Perbincangan merangkumi aspek bajet, peranan dan tanggungjawab, modul, serta penyelarasian tugas.

*A meeting was held between the Mapping and Capacity Building Unit to discuss arrangements for the 2025 Capacity Building (CB) program. Discussions focused on budget, roles and tasks, module development, and task coordination. This initiative ensures a well-structured and effective implementation of the 2025 Capacity Building program.*

16-17.1.2025

**Menilai kemajuan Penyelaras Tempatan (LC)***Reviewing Local Coordinator (LC) Progress and Sharing Best Practices*

84



Pasukan APPGM-SDG telah menilai kemajuan Penyelaras Tempatan (LC) dan mengenal pasti beberapa pelajaran dan amalan terbaik yang boleh membantu memperkuuh inisiatif.

*The APPGM-SDG team reviewed Local Coordinator (LC) progress and identified key lessons and best practices to strengthen initiatives*

17.1.2025

**Mesyuarat Penyediaan Laporan Tahunan 2024***2024 Annual Report Preparation Meeting*

85



Ketua Sekretariat, Prof. Datuk Dr. Denison, dan Pengarah Eksekutif, Puan Rahmah, telah mempengerusikan mesyuarat untuk penyediaan Laporan Tahunan 2024. Sejak tahun pertama pelaksanaan kerja kami, APPGM-SDG telah mendokumentasikan semua aktiviti dengan teliti, termasuk menyediakan laporan akaun beraudit bagi memastikan tadbir urus yang baik.

*Head of Secretariat, Prof. Datuk Dr. Denison, and Executive Director, Puan Rahmah, chaired a meeting to prepare the 2024 Annual Report. Since the first year of our work, APPGM-SDG has meticulously documented activities, including providing audited financial reports to uphold good governance.*

22.1.2025

**Mesyuarat Kemaskini Gerak Kerja Unit Pembangunan Kapasiti***Progress Meeting for Capacity Building Unit*

86



Shafina dan Maisarah membentangkan kemajuan kerja kepada Dr. Ken dan Syaza, termasuk draf awal workbook serta template laporan yang akan digunakan dalam program pembangunan kapasiti. Mesyuarat ini memastikan gerak kerja Unit Pembangunan Kapasiti berjalan lancar dan sejajar dengan matlamat APPGM-SDG untuk meningkatkan keberkesanan inisiatif di peringkat akar umbi.

*Shafina and Maisarah presented the progress to Dr. Ken and Syaza, including the preliminary draft of the workbook and report templates for the capacity building program. This meeting ensures that the Capacity Building Unit's initiatives remain on track and aligned with APPGM-SDG's goals to enhance grassroots impact.*

28.1.2025

### Mesyuarat Persiapan Peluncuran Buku APPGM-SDG

*Preparation Meeting for the Launch of the APPGM-SDG Book*

87



Pasukan Solusi dan Pasukan Komunikasi telah mengadakan mesyuarat awalan bersama Ketua Sekretariat bagi membincangkan persiapan pelancaran buku *Best Practices - Solution Projects: From Beneficiaries to SDGs Champions*. Pelancaran rasmi yang dijadualkan pada 6 Februari 2025.

*The Solutions Team and Communications Team held an inception meeting with the Head of Secretariat to discuss preparations for the launch of APPGM-SDG Best Practices - Solution Projects: From Beneficiaries to SDGs Champions. The official launch will be on 6 February 2025.*

28.1.2025

### Sesi Temuduga Penyelaras Tempatan

*Local Coordinator Interview Session*

88



Sesi temuduga bagi pemilihan Penyelaras Tempatan telah dijalankan, merangkumi 8 zon Selatan, 4 zon Timur, dan 2 wilayah Sabah. Temuduga ini bertujuan untuk menilai calon yang berkelayakan bagi melaksanakan gerak kerja APPGM-SDG di peringkat komuniti.

*The interview session for selecting Local Coordinators was conducted, covering 8 zones in the South, 4 zones in the East, and 2 in the Sabah region. This session aimed to assess qualified candidates for APPGM-SDG's grassroots implementation efforts.*




# JABATAN ADVOKASI PARLIMEN | PARLIAMENT ADVOCACY DEPARTMENT

23.1.2025

## Sesi Perbincangan Bersama YB Jannie Lasimbang *Discussion Session with YB Jannie Lasimbang*

89



Dr. Teo Sue Ann, Dr. Khairil Ahmad, Lydia Ann, Nuha Mysara, dan Tariq mengadakan sesi perbincangan secara atas talian bersama YB Jannie Lasimbang, ADUN Kapayan, dan rakan sekerja beliau, Encik Richard Chong. YB Jannie, yang aktif dalam isu kemasyarakatan dan pernah menjadi anggota SUHAKAM, berkongsi pandangan tentang isu Tiada Kewarganegaraan dan Alam Sekitar.

Dalam topik Tiada Kewarganegaraan, YB Jannie mencadangkan langkah advokasi, termasuk memastikan pendaftaran anak-anak, menangani kes scam bagi kad pengenalan, dan penyelesaian politik dengan Filipina. Beliau juga menyarankan penubuhan jawatankuasa khusus bagi menangani isu ini tanpa bergantung sepenuhnya kepada JPN.

Bagi tema Alam Sekitar, YB Jannie dan Encik Richard mengalui-alukan kerjasama dengan APPGM-SDG untuk usaha bersama yang lebih berkesan.

*Dr. Teo Sue Ann, Dr. Khairil Ahmad, Ms. Lydia Ann, Ms. Nuha Mysara, and Mr. Tariq held an online discussion with YB Jannie Lasimbang, ADUN Kapayan, and her colleague, Mr. Richard Chong. YB Jannie, actively involved in community issues and a former SUHAKAM member, shared insights on Statelessness and Environmental issues.*

*On Statelessness, YB Jannie proposed measures such as child registration advocacy, tackling identification card scams, political resolutions with the Philippines, and establishing a dedicated committee to address the issue independently from JPN.*

*Regarding Environmental concerns, YB Jannie and Mr. Richard welcomed collaborative efforts with APPGM-SDG for impactful initiatives.*



## KUNJUNGAN HORMAT KE KEMENTERIAN COURTESY VISIT TO MINISTRIES

Kunjungan ini sebagai tanda penghargaan atas penglibatan para kementerian dalam gerak kerja APPGM-SDG, termasuk perbincangan fokus dasar pada Julai 2024. APPGM-SDG turut menyerahkan Laporan Awal Dasar SDG Peringkat Parlimen dan mendapatkan maklum balas serta cadangan untuk penambahbaikan laporan akhir, memperkuuh usaha ke arah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

*This visit is an appreciation for various government agencies involvement in the APPGM-SDG work, including the thematic focus group discussion in July 2024. APPGM-SDG also submitted the Parliamentary-Level Preliminary SDG Policy Report and sought feedback and suggestions to improve the final policy report, strengthening efforts towards achieving the Sustainable Development Goals (SDGs).*

10.1.2025

ICU, JPM

90



Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah ICU, YBrs. Puan Mashitah @ Suhailah Suid. Sesi ini turut dihadiri Pn. Azah Mastura Ismail (Timbalan Pengarah), dan Pn. Norazawati Ariff (Penolong Pengarah).

*The session was chaired by the Director of ICU, YBrs. Puan Mashitah @ Suhailah Suid. The session was also joined by Ms. Azah Mastura Ismail (Deputy Director) and Norazawati Ariff (Assistant Director).*

10.1.2025

KUSKOP

91



Sesi ini dipengerusikan oleh YBrs. Pn. Noor Afifah Abdul Razak (Timbalan Ketua Setiausaha, Dasar dan Pemantauan). Turut hadir pegawai dari pelbagai bahagian di KUSKOP dan wakil SME Bank.

*The session was chaired by YBrs. Pn. Noor Afifah Abdul Razak (Deputy Secretary-General, Policy and Monitoring) and attended by officers from various KUSKOP divisions and representatives from SME Bank.*





13.1.2025

KESUMA

92



Sesi ini dihadiri oleh Ketua Penolong Setiausaha dan Penolong Setiausaha, termasuk Dr. Ajitpal Singh, Pn. Rozana, Pn. Hanisah, dan Pn. Nor Azam.

*The meeting attended by Deputy Undersecretary and Assistant Secretaries, Dr. Ajitpal Singh, Ms. Rozana, Ms. Hanisah, and Ms. Nor Azam.*

16.1.2025

KKM

93



Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pemakanan, Pn. Rusidah Selamat, dan dihadiri oleh 12 pegawai.

*The meeting chaired by the Director of the Nutrition Division, Pn. Rusidah Selamat, and attended by 12 officers.*

17.1.2025

KPWKM

94



Sesi ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) iaitu YBrs. Chua Choon Hwa.

*This session was chaired by the Deputy Secretary General (Strategic), YBrs. Mr. Chua Choon Hwa.*



# RAKAN SOLUSI | SOLUTION PROVIDER

20.1.2025

## Perbincangan Bersama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Selangor Joint Discussion with Cooperative Commission Malaysia (SKM) Selangor

95



James, Ara, Balqis, dan Shazie telah bertemu dengan Encik Zikri dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Selangor untuk membincangkan keperluan penubuhan koperasi. Perbincangan memfokuskan kepada cadangan nama dan aktiviti yang akan dijalankan oleh ahli koperasi. Kami menjangkakan Surat Pendaftaran akan diterima dalam minggu ini dan akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) pertama dalam tempoh 30 hari bekerja selepas surat diterima.

*James, Ara, Balqis, and Shazie met with Encik Zikri from the Selangor Branch of Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) to discuss the requirements for setting up our cooperative. The discussion focused on the proposed name and activities for cooperative members. We expect to receive the Registration Letter this week and plan to hold the first Annual General Meeting (AGM) within 30 working days of receiving the letter.*

20.1.2025

## Perbincangan Persatuan Rakan Solusi & Koperasi Discussion on PRS-MPL & Cooperative Progress

96



Perbincangan meliputi status pendaftaran NGO melalui e-ROS, pelantikan jawatankuasa eksekutif sementara, dan penglibatan 12 Rakan Solusi dari pelbagai zon serta proses pendaftaran koperasi.

*The discussion covered NGO registration via e-ROS, the appointment of a provisional executive committee, and engagement with 12 Solution Providers from various zones as well as reviewed the cooperative registration process.*

23.1.2025

**APPGM-SDG di Hari Terbuka SME Corp**  
 APPGM-SDG at SME Corp Open Day

97



Pasukan APPGM-SDG mengambil peluang untuk berhubung dengan pelbagai agensi bagi meneroka peluang intervensi projek yang memanfaatkan komuniti, melalui incentif, idea, dan sumber dalam sektor pertanian dan keterjaminan makanan.

*The APPGM-SDG team engaged with various agencies to explore project intervention opportunities benefiting communities. These efforts aim to establish impactful collaborations leveraging incentives, ideas, and resources in agriculture and food security sectors.*

24.1.2025

**Mesyuarat Pertama Persatuan Rakan Solusi MPL (PRS-MPL)**  
 Update on Persatuan Rakan Solusi MPL (PRS-MPL)

98




James, Mary, Darshini, Karu, Balqis, and Shazie mengadakan mesyuarat pertama bersama 13 Rakan Solusi yang kini komited sebagai ahli PRS-MPL. Dalam mesyuarat ini, sebuah jawatankuasa protem dibentuk dengan Ara sebagai Pengerusi, Darshini sebagai Setiausaha, dan Encik Karu sebagai Bendahari.

Shazie memperkenalkan visi dan misi PRS-MPL, memberi hala tuju yang jelas serta menyuntik semangat kepada ahli. Fokus utama kini adalah melengkapkan dokumentasi untuk pendaftaran di ROS. Selepas pendaftaran, keutamaan persatuan adalah memperluaskan keahlian dengan menarik lebih ramai Pengamal Mampan daripada APPGM-SDG.

*James, Mary, Darshini, Karu, Balqis, and Shazie held the first meeting with 13 Solution Providers who are now committed as PRS-MPL members. A protem committee was formed, with Ara as Chair, Darshini as Secretary, and Mr. Karu as Treasurer.*

*Shazie introduced PRS-MPL's vision and mission, providing clear direction and inspiring enthusiasm among members. The immediate focus is finalizing documentation for submission to the Registrar of Societies (ROS). Following registration, the association will focus on expanding its membership by recruiting more Sustainable Practitioners from APPGM-SDG.*

15.1.2025



# TAHNIAH WINK

**WINK Diiktiraf untuk Melaksanakan Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar KP KT**

*WINK Recognized as an Implementing Partner for the Urban Community Economic Empowerment Program under KP KT*



WINK, salah satu rakan solusi cemerlang kami, telah berjaya menyempurnakan taklimat dan penerimaan Kontrak Pelaksanaan Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar di bawah KP KT. WINK adalah antara 29 NGO terpilih daripada 92 permohonan tahun ini, dan pencapaian ini diperkuatkan dengan pengiktirafan mereka sebagai Perusahaan Sosial. Kami bangga dengan dedikasi dan usaha mereka dalam memajukan komuniti.

*WINK, one of our outstanding solution providers, has successfully completed the briefing and received the Contract for the Implementation of the Urban Community Economic Empowerment Program under KP KT. WINK is among the 29 NGOs selected out of 92 applicants this year, with their achievement further elevated by being recognised as a Social Enterprise.*

# SDG 17 PERKONGSIAN UNTUK MATLAMAT | PARTNERSHIP FOR THE GOALS

2.1.2025

**Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Khas SDG & Neutral Karbon**

Special Working Committee Meeting for SDG &amp; Carbon Neutral

99



Pasukan APPGM-SDG telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Khas Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) & Neutral Karbon bagi sesi 1/2025. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Dr. Ani Ahmad, Yang Dipertua MPAJ. Sesi ini telah membincangkan pembentangan laporan Kajian Voluntary Local Review (VLR) dan SDG City Roadmap MPAJ dan cadangan Pengecasan EV di kawasan pentadbiran MPAJ dari Worldwide.

*APPGM-SDG team attended the Sustainable Development Goals (SDG) & Carbon Neutral Special Working Committee Meeting for session 1/2025. The meeting was chaired by Dr. Ani Ahmad, President of MPAJ. This session discussed the presentation of the Voluntary Local Review (VLR) report and MPAJ's SDG City Roadmap and EV Charging recommendations in MPAJ's administrative area from Worldwide.*

10.1.2025

**Forum tentang "Pendekatan Pelbagai Dimensi untuk Mengurangkan Kemiskinan: Belajar daripada Pengalaman Global dan Cabaran Tempatan"**  
*Forum on "A Multidimensional Approach to Poverty Reduction: Learning from Global Experiences and Local Challenges"*

100



Paniirselvam, Debbie Ann, Wan Asiah Nurjannah dan Nurul Syahirah menghadiri Forum tentang "Pendekatan Pelbagai Dimensi untuk Mengurangkan Kemiskinan: Belajar daripada Pengalaman Global dan Cabaran Tempatan" anjuran Yayasan MySDG, Maybank dan ASEAN Research Center (ARC) di ASB KL.

*Paniirselvam, Debbie Ann, Wan Asiah Nurjannah and Nurul Syahirah attended the Forum on "Multidimensional Approach to Poverty Reduction: Learning from Global Experiences and Local Challenges" organised by MySDG Foundation, Maybank and ASEAN Research Center (ARC) at ASB KL.*

13-14.1.2025

**Bengkel ASEAN mengenai Pembangunan Mampan**

ASEAN Workshop on Sustainable Development

101



Anthony Tan menghadiri Bengkel ASEAN mengenai Pembangunan Mampan yang berlangsung di Universiti Sunway. Bengkel ini bertujuan untuk memperkuat kerjasama serantau dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di negara-negara ASEAN.

*Anthony Tan participated in the "ASEAN Workshop on Sustainable Development" held at Sunway University. The workshop focused on strengthening regional collaboration towards achieving the Sustainable Development Goals (SDGs) in ASEAN countries.*

14.1.2025

**Delegasi Universiti Malaya Melawat APPGM-SDG**

Hosting delegation from the University of Malaya

102



APPGM-SDG dengan rendah hati menerima kunjungan delegasi dari Universiti Malaya yang diketuai oleh Prof. Dr. Yahaya Ahmad, Pro Naib Canselor (Strategi Korporat). Perbincangan ini bertujuan meneroka peluang kerjasama strategik antara APPGM-SDG dan Universiti Malaya.

*APPGM-SDG was honored to host a delegation from the University of Malaya, led by Prof. Dr. Yahaya Ahmad, Pro Vice-Chancellor (Corporate Strategy). The discussion focused on exploring strategic collaboration opportunities between APPGM-SDG and the University of Malaya.*

15.1.2025

### Mesyuarat Side-Event di APFSD Side-Event Meeting at APFSD

103



Acara sampingan ini akan berlangsung selama 75 minit, menampilkan sumbangan Malaysia dalam pembangunan mampan. Ia akan merangkumi proses penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), penyelesaian projek oleh komuniti tempatan, serta perkongsian daripada rakan solusi.

*A meeting was held to prepare for Malaysia's side-event at the 12th APFSD. The 75-minute session will showcase Malaysia's contributions to sustainable development on Localization Process, Project Interventions and sharing from Solution Providers*

15.1.2025

### Perbincangan Meja Bulat anjuran World Bank Malaysia Roundtable Discussion by World Bank Malaysia

104



Debbie dan Lydia menghadiri Perbincangan Meja Bulat anjuran World Bank Malaysia mengenai Penilaian Penjagaan Kanak-Kanak dan Penyertaan Tenaga Kerja Wanita. Dr. Daniel membentangkan penyelidikan terkini, diikuti perbincangan dua kumpulan tentang penyertaan wanita dan pusat penjagaan kanak-kanak. Sesi ditutup dengan rumusan oleh Dr. Tara Beteille.

*Debbie and Lydia attended a Roundtable Discussion by World Bank Malaysia on Childcare Assessment and Women's Workforce Participation. The session featured insights from Dr. Daniel and concluded with key takeaways summarized by Dr. Tara Beteille.*

20.1.2025

### Malaysia's 3rd Voluntary National Review (VNR) 2025 Malaysia's 3rd Voluntary National Review (VNR) 2025

105



Sesi pertama Semakan Sukarela Kebangsaan (VNR) Malaysia ke-3 2025 bertemakan People telah berjaya diadakan.

Sesi ini dipandu oleh Dr. Teo Sue Ann dan memberi fokus kepada usaha Malaysia dalam menangani cabaran sosial, mempromosikan kesaksamaan, serta meningkatkan kesejahteraan rakyat sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).



*The first parallel session of Malaysia's 3rd Voluntary National Review (VNR) 2025, themed People, was successfully held.*

*This session, facilitated by Dr. Teo Sue Ann, focused on Malaysia's efforts and progress in addressing social challenges, promoting equality, and advancing the well-being of its people under the Sustainable Development Goals (SDG).*

20.1.2025

## Forum Tinjauan Ekonomi dan Strategik Malaysia 2025

*Malaysia Economic and Strategic Outlook Forum 2025*

106



Dr. Ken menghadiri Forum Tinjauan Ekonomi dan Strategik Malaysia 2025 anjuran KSI. Forum ini menampilkan penceramah terkemuka seperti Tan Sri Wahid Omar, Pengurus Bursa Malaysia dan bekas Menteri Perancangan Ekonomi, serta Dato' Sri Mustapha Mohamed, bekas Menteri Ekonomi dan Penasihat Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

*Dr. Ken attended the Malaysia Economic and Strategic Outlook Forum 2025 organized by KSI . The forum featured prominent speakers, including Tan Sri Wahid Omar, Chair of Bursa Malaysia and former Minister of Economic Planning, and Dato' Sri Mustapha Mohamed, former Minister of Economy and Advisor to the Society for the Promotion of SDGs.*

21.1.2025

## Sesi Konsultasi Zon Utara Semakan Sukarela Kebangsaan (VNR)

*Northern Zone Consultation for Voluntary National Review (VNR)*

107



APPGM-SDG telah menghadiri Sesi Konsultasi Zon Utara bagi Semakan Sukarela Kebangsaan (VNR) di Pulau Pinang. Perbincangan ini menjadi platform penting untuk memastikan isu dan keutamaan tempatan di zon utara turut disuarakan dalam laporan VNR Malaysia 2025.

*APPGM-SDG participated in the Northern Zone Consultation for Malaysia's Voluntary National Review (VNR) held in Penang. This consultation serves as a vital platform to ensure local issues and priorities in the northern region are reflected in Malaysia's 2025 VNR report.*

23.1.2025

## Sesi Konsultasi VNR di Wilayah Sabah

*Northern Zone Consultation for Voluntary National Review (VNR)*

108



Bengkel ini bertujuan mengumpulkan pandangan daripada pelbagai pihak berkepentingan mengenai kemajuan pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di Malaysia

*The workshops serve as a vital platform to ensure the voices of communities across all levels are included in advancing more inclusive and sustainable SDGs..*

## Akademi



## Academy



15.1.2025

### Mesyuarat Susulan untuk ASEAN SDG-SSE Forum 2025

*Follow Up Meeting on ASEAN SDG-SSE Forum 2025*

109

Mesyuarat susulan bersama Dr. Eri, Dr. Ben, dan Dr. Victor untuk persiapan Forum ASEAN SDG-SSE yang akan datang. Forum ASEAN SDG-SSE dijadualkan berlangsung pada 1-3 Mei 2025.

*A follow-up meeting with Dr. Eri, Dr. Ben, and Dr. Victor to discuss preparations for the upcoming ASEAN SDG-SSE Forum. The ASEAN SDG-SSE Forum is scheduled for 1-3 May 2025.*

22.1.2025

### Lawatan Caritas Youth and Community Service, Caritas Hong Kong

*Visit by Caritas Youth and Community Service, Caritas Hong Kong*

110



APPGM-SDG dengan kerjasama Malaysian Association of Social Work (MASW) telah menerima lawatan daripada Caritas Youth and Community Service, Caritas Hong Kong. Lawatan ini bertujuan untuk memperkuuh kerjasama dalam bidang pembangunan komuniti dan sosial.

*APPGM-SDG, in collaboration with the Malaysian Association of Social Work (MASW), welcomed a visit from Caritas Youth and Community Service, Caritas Hong Kong. The visit aimed to strengthen collaboration in community and social development efforts.*

23.1.2025

**Mesyuarat Bersama Sasakawa Peace Foundation Mengenai SE & SSE***Meeting with Sasakawa Peace Foundation on SE & SSE*

111




Mesyuarat bersama Dissa Ahdanisa dan Ratikorn Norasethaporn dari Sasakawa Peace Foundation. Perbincangan memfokuskan kepada potensi kerjasama di Malaysia dalam bidang Social Enterprise (SE) dan Social and Solidarity Economy (SSE). Mereka dijadualkan melawat Malaysia pada Februari dan akan bertemu APPGM-SDG di pejabat pada 12 Februari untuk membincangkan peluang kerjasama lebih lanjut.

*A meeting with Dissa Ahdanisa and Ratikorn Norasethaporn from the Sasakawa Peace Foundation. The discussion focused on exploring potential collaborations in Malaysia in the areas of Social Enterprise (SE) and Social and Solidarity Economy (SSE). They are scheduled to visit Malaysia in February and will meet with APPGM-SDG at the office on 12 February to discuss partnership opportunities further.*

24.1.2025

**Dialog Belia UNEP Mengenai Strategi Jangka Sederhana (MTS) 2026-2029***UNEP Medium-Term Strategy (MTS) Youth Dialogue*

112



Philus menghadiri Dialog Belia UNEP mengenai Strategi Jangka Sederhana (MTS) 2026-2029 untuk mendapatkan input daripada Children and Youth Major Group (CYMG), yang mewakili 59 organisasi belia berdaftar dengan UNEP.

*Philus attended the UNEP Medium-Term Strategy (MTS) youth dialogue to gather input from the Children and Youth Major Group (CYMG), representing 59 youth organizations accredited to UNEP.*

24.1.2025

**Mesyuarat untuk Persiapan ASEAN People***Meeting for ASEAN People*

113



Hirzawati Atikah menghadiri mesyuarat di Pusat KOMAS yang membincangkan dua agenda utama: 1) Secretariat akan menyerahkan memorandum kepada Ketua Setiausaha MOFA pada 3 Februari (2.30 petang), diikuti sidang media di KOMAS pada 4.30 petang; and 2) Perkembangan ASEAN's People (4 - 5 Mei), di mana setiap kluster tematik perlu mengemukakan kertas konsep kepada KOMAS.

*Hirzawati Atikah attended a meeting at Pusat KOMAS, discussing two key agendas: 1) Secretariat will hand over a memorandum to the Secretary-General of MOFA on 3 February (2.30 PM), followed by a press conference at KOMAS at 4.30 PM; and 2) Updates on ASEAN's People (4 - 5 May), where each thematic cluster must submit a concept paper*



6.1.2025

### **Program Diploma Pascasiswazah Pengurusan Awam (DPA) INTAN**

*INTAN's Postgraduate Diploma in Public Management (DPA) Programme*

**114**


Dr. Khairil telah menyampaikan ceramah bertajuk *Challenges in Implementing the SDG 2030 Agenda in Malaysia* kepada kohort kadet (Sidang 1 dan 2) Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Jalan Elmu. Program DPA ini merupakan kursus pra-perkhidmatan dan pra-syarat wajib sebelum peserta program dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) gred M41.

*Dr. Khairil delivered a talk titled Challenges in Implementing the SDG 2030 Agenda in Malaysia to the 2024-25 cohort of Administrative and Diplomatic Officers (PTD) cadets (Groups 1 and 2) at the National Institute of Public Administration (INTAN) Jalan Elmu. The DPA programme is a pre-requisite for the participants' appointment into the grade M41 of the PTD service.*

14.1.2025

### **Chiangmai Global Governance (CGG) Forum**

*Meeting with Policy Advocacy Unit & MySDG-CSI*

**115**

Dr. Khairil telah dijemput untuk menjadi salah seorang pembentang bagi panel yang bertajuk ASEAN, ASEAN+3 and East Asia Summit (EAS) bagi program Chiangmai Global Governance (CGG) Forum. Beliau telah menyampaikan pembentangan bertajuk *The SDGs and ASEAN: Enhancing Partnership for the Goals* secara dalam.

*Dr. Khairil was invited to be one of the speakers for a panel titled ASEAN, ASEAN+3 and East Asia Summit (EAS) at the Chiangmai Global Governance (CGG) Forum. He delivered an online presentation titled *The SDGs and ASEAN: Enhancing Partnership for the Goals*.*

15.1.2025

**Mesyuarat bersama Unit Advokasi Dasar dan Pusat MySDG-CSI**

Meeting with Policy Advocacy Unit &amp; MySDG-CSI



116

Unit Advokasi Dasar / Pusat MySDG untuk Rangkuman Sosial telah mengadakan pertemuan dengan Pengarah Pusat MySDG untuk Alam Sekitar dan Kelestarian, Encik Anthony. Perbincangan ini bertujuan meneroka peluang kerjasama dan memperincikan tema berkaitan alam sekitar untuk dibawa ke sesi perbincangan polisi bersama pihak berkepentingan pada masa hadapan.

*The Policy Advocacy Unit / MySDG Centre for Social Inclusion held a meeting with the Director of MySDG Centre for Environmental & Sustainability, Mr. Anthony. The discussion focused on exploring collaboration opportunities and detailing environmental themes for future policy dialogues with stakeholders.*



**PERSATUAN PROMOSI  
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI**  
**PPM-023-14-07012020**



15.1.2025

**Mesyuarat Pertama 2025 Bersama Penasihat Persatuan**

2025 First Meeting with Society's Advisor

117

Mesyuarat pertama bagi tahun 2025 bersama penasihat kami, Dato' Sri Mustapa Mohamed, berlangsung dengan penuh manfaat. Tokpa memberikan pandangan untuk memperkuuh kerjasama bagi mempercepatkan jaringan SDG, termasuk kerjasama strategik dengan universiti awam dan swasta serta mempromosikan kisah kejayaan di peringkat akar umbi ke peringkat ASEAN.

*The first meeting of the year with our advisor, Dato' Sri Mustapa Mohamed, was insightful. Dato' Sri Mustapa advised on strengthening networking with partners in accelerating SDGs, fostering collaborations with public and private universities, and showcasing APPGM-SDG grassroots success stories at the ASEAN level.*

# Lawatan Pemetaan Isu (Januari)

*Issue Mapping Visit (January)*

Pada bulan Januari, APPGM-SDG telah menjalankan lawatan tapak di beberapa kawasan, termasuk Kuala Kedah, Hulu Selangor, Jempol, Seputeh, Besut, dan Gopeng. Pemetaan isu ini merupakan langkah awal dalam proses penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) oleh APPGM-SDG. Gerak kerja ini dimulakan dengan penglibatan aktif Ahli Parlimen di kawasan-kawasan terlibat. Laporan lawatan tapak boleh dimuat turun melalui kod QR yang disediakan.

*In January, APPGM-SDG conducted site visits across several locations, including Kuala Kedah, Hulu Selangor, Jempol, Seputeh, Besut, and Gopeng. This issue mapping exercise marks the initial step in the localization of the Sustainable Development Goals (SDGs) by APPGM-SDG. The initiative was carried out with the active participation of Members of Parliament from the respective constituencies. The site visit report can be downloaded via the provided QR code.*



Kuala Kedah

118



Hulu Selangor

119



Jempol

120



Seputeh

121



Besut

122



Gopeng

123





# Di Bawah Langit Kuala Kedah: Sebuah Cerita Kesukaran dan Harapan

124 Dr. Thanaraj Murudi



"Sekali air bah, sekali pasir berubah." Begitulah nasib kehidupan di pesisiran pantai Aman Laut, Kuala Kedah. Di balik keindahan sinar matahari pagi yang menyapa laut, tersirat sebuah cerita yang sarat dengan perjuangan dan air mata. Komuniti nelayan di sini bukan hanya melawan arus laut, tetapi juga gelombang cabaran yang menghimpit kehidupan mereka.

Hidup sebagai nelayan tidak pernah mudah, tetapi kini menjadi lebih mencabar bagi generasi muda. Anak-anak muda yang ingin menyambung tradisi sebagai nelayan menghadapi rintangan yang berat. Lesen untuk melaut, yang menjadi keperluan utama, semakin sukar diperoleh kerana kuota yang tidak mencukupi. Harapan mereka sering tenggelam dalam timbunan kertas dan prosedur, sehingga ramai yang terpaksa mencari rezeki di daratan, meninggalkan warisan yang seharusnya menjadi identiti mereka. "Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan," tetapi jalan itu kini seakan-akan tertutup bagi mereka.

Namun, mereka tidak pernah berputus asa. Harapan itu masih menyala. Komuniti nelayan di sini menyedari bahawa untuk terus bertahan, mereka memerlukan lebih daripada sekadar tekad. Mereka memerlukan ilmu dan sokongan untuk melangkah ke depan. Impian untuk membuka koperasi, mengumpulkan hasil usaha mereka, dan memasarkan produk hilir seperti keropok ikan dan pes udang terus menjadi cita-cita yang belum tergapai. "Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat." Tetapi tanpa bimbingan yang tepat, usaha mereka

Di celah-celah usaha mereka, terbit pula satu hasrat mulia: memperkasakan pendidikan anak-anak muda dan komuniti mereka. Di Kuala Kedah, anak-anak nelayan sering terpinggir daripada akses pendidikan yang lebih baik. Mereka bermimpi untuk melihat anak-anak mereka melangkah lebih jauh, bukan sahaja memahami ilmu laut tetapi juga melakar kejayaan di dunia moden. Pendidikan adalah kunci untuk membuka pintu perubahan, dan mereka tahu bahawa usaha ini memerlukan pengorbanan dan sokongan semua pihak.

Bagi komuniti kerang-kerangan, kehidupan mereka tidak kurang getirnya. Hasil laut yang semakin berkurang akibat perubahan ekosistem dan persaingan dari luar menambah tekanan. Mereka ingin bangkit, ingin belajar cara baru untuk memasarkan hasil mereka, tetapi tanpa bantuan, suara mereka sering hilang di tengah arus kesibukan dunia luar.

Di pesisiran pantai Aman Laut, perjuangan ini terus berlangsung. Mereka tidak meminta belas kasihan, tetapi hanya peluang. Peluang untuk berdiri di atas kaki sendiri, untuk memastikan masa depan yang lebih cerah buat anak cucu mereka. "Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah." Bersama-sama, mereka berharap ada tangan-tangan yang sudi menghulur, membawa sinar harapan untuk mereka terus melangkah ke depan.

Kerana di bawah langit Kuala Kedah, setiap perjuangan pasti ada hikmahnya. Dan setiap pelangi pasti hadir selepas hujan yang mencurah.



## Tarikh Program

Programme Dates

- |  |   |                     |
|--|---|---------------------|
| <br>1 | Forum SDG-SSE ASEAN 2025   <i>ASEAN SDG-SSE Forum 2025</i>  | <b>1-3 Mei 2025</b> |
| <br>2 | Perbincangan dengan Ahli Parlimen ASEAN mengenai<br>Penyetempatan Agenda SDG 2030<br><br><i>Conversation with ASEAN Members of Parliament on<br/>Localising the SDG 2030 Agenda</i> | <b>26 Mei 2025</b>  |

## Tarikh Lawatan Tapak & Pemetaan Isu


*Site Visit and Issue Mapping Date*

**Februari | February**

- |   |   |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Kota Bharu</b></li><li>• <b>Semporna</b></li><li>• <b>Batu Pahat</b></li><li>• <b>Lumut</b></li><li>• <b>Stampin</b></li><li>• <b>Pasir Puteh</b></li><li>• <b>Padang Terap</b></li><li>• <b>Balik Pulau</b></li><li>• <b>Sri Gading</b></li><li>• <b>Labuan</b></li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>1-3 Feb 2025</li><li>7-11 Feb 2025</li><li>8-10 Feb 2025</li><li>14-16 Feb 2025</li><li>13-17 Feb 2025</li><li>18-20 Feb 2025</li><li>21-23 Feb 2025</li><li>22-24 Feb 2025</li><li>22-24 Feb 2025</li><li>26-28 Feb 2025</li></ul> |
|---|---|

**Mac | March**

- |  |  |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Pulai</b></li><li>• <b>Lubuk Antu</b></li><li>• <b>Sabak Bernam</b></li></ul> | <ul style="list-style-type: none"><li>8-10 Mac 2025</li><li>8-15 Mac 2025</li><li>14-16 Mac 2025</li></ul> |
|--|--|



**Penyelarasan  
Kawasan Parlimen**

**Pengurusan Projek  
Mikro SDGs**

**Pembangunan  
Kapasiti**

**Advokasi Dasar  
Peringkat Parlimen**

**Solusi Dasar  
Peringkat Daerah**

**Pemerkasaan  
Belia**

**Akademi  
MySDG**

**Pusat MySDG untuk  
Rangkuman Sosial**

**Pusat MySDG untuk  
Alam Sekitar &  
Kemampuan**



**Persatuan Promosi Matlamant Pembangunan Lestari  
(PPM-023-14-07012020)**

📍 A-1-10, Blok A, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sg. Jernih 8/1,  
46050 Petaling Jaya, Selangor.

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

🌐 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>

**MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN**